



**WAHDAH AL-WUJUD DALAM KONTEKS AKIDAH DAN TASAWWUF  
DI MALAYSIA**

Ahmad Najaa Mokhtar, Muhammad Khairi, Hamidi Ismail, Yuseri Ahmad, Ahmad Alaa Mokhtar

Program Pengajian Akidah & Agama,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
Email: [najaa@usim.edu.my](mailto:najaa@usim.edu.my)

Received 23 Mei; Accepted 29 July 2019

Available online 22 August 2019

**ABSTRACT**

The debate on the issue of wahdatul wujud has long been in force among scholars. In Malaysia, this issue is associated with aqeedah which is then half the country's pleasure forbids teaching and practice wahdatul wujud. However, the discussion of wahdatul wujud needs to be refined by looking at it from a different perspective, from the perspective of aqeedah and Sufism. Although the two sciences have different disciplines, this study will outline the point of reflection and meeting to harmonize understanding of the term. With that, the main objective of this study is to understand the concept of wahdatul wujud, the differences of views of the ulama and to harmonize these views with the approach of the discipline of faith and Sufism. Therefore, this study uses the methodology of historical and textual analysis of the books of the aqidah and tasawwuf fields. Obtained is the description of wahdatul form according to some ulema of the faith by looking at the point of view of other religions and compared with the term wahdatul form, while, Tasawwuf scholars also see the term with other intentions that are not related to the concept of hulul and ittihad. Exactly, mistakes and tensions that appear to have been incurred are caused by the terminology which is translated with incorrect translations. Therefore, the term wahdatul wujud needs to be explained correctly and precisely. This case may be resolved by perfecting scientific disciplines on the basis of clearer Islamic Shari'a.

Keyword: wahdah al-wujud, hulul, ittihad, akidah, tasawwuf.

## 1. Pendahuluan

Isu *Wahdah al-Wujud* merupakan salah satu isu akidah yang belum berkesudahan. Timbulnya isu ini adalah disebabkan beberapa ulama tasawwuf atau tokoh sufi yang kononya membawa ajaran *Wahdah al-Wujud* seterusnya mencabar ajaran akidah Islam yang sebenar. Antara tokoh kurun awal yang didakwa membawa pemikiran *Wahdah al-Wujud* ialah Abu Yazid al-Butami (w. 261H), Dhu al-Nun al-Misri (w. 245H), Kharraz (w. 286H), Abu al-Husayn al-Nuri (w. 295H), Abu al-Qasim al-Junayd (w. 297H), Al-Hallaj (w. 308H) dan al-Shubli (w. 334H). Sementara tokoh ulama yang juga dikaitkan dengan dakwaan berpegang dengan ajaran *Wahdah al-Wujud* selepas tiga kurun awal Hijrah antaranya ialah al-Ghazali (w. 505H), Ibn al-Farid (w. 632H), Ibn Arabi (w. 638H), Ibn Sab'in (w. 669H), al-Jili (w. 826H), al-Nablusi (w. 1143H) dan 'Abd al-Halim Mahmud (w.1397H).

Ini bermakna isu *Wahdah al-Wujud* bukanlah isu baru, ianya diperbahaskan hingga menjatuhkan hukuman pembawa dan pendokong ajaran *Wahdah al-Wujud* sebagai musyrik dan kafir. Oleh kerana pembawa dan pendokong ajaran *Wahdah al-Wujud* dari kalangan golongan sufi maka dikaitkan dengan ajaran tasawwuf sebagai ajaran yang bercanggah dengan Islam dan seterusnya ajarannya adalah sesat di sisi akidah Islam yang sebenar.

Namun begitu, golongan sufi dan para ulama akidah tidak berdiam diri dengan tuduhan yang tiada asas terhadap ajaran *Wahdah al-Wujud* atau konsep sebenar *Wahdah al-Wujud*. Mereka mempertahankan kefahaman mengenai *Wahdah al-Wujud* yang sebenarnya tiada kaitan dengan perkara yang salah, menyeleweng apatah lagi sesat. Gambaran yang negatif terhadap istilah *Wahdah al-Wujud* menyebabkan sesetengah pengkaji tersalah tafsir dan tidak memahami konsep *Wahdah al-Wujud* dalam konteks disiplin ilmu akidah dan juga ilmu tasawwuf.

Bukan mudah bagi pengkaji isu *Wahdah al-Wujud* menghasilkan natijah yang menenangkan hati semua. Cuma perkara yang sangat penting dalam membincangkan isu *Wahdah al-Wujud* ini, pengkaji perlu berlapang dada dengan menerima dan memahami konsep sebenar yang dimaksudkan oleh pembawa dan pendokong ajaran atau kefahaman tentang *Wahdah al-Wujud*. Jika dibincangkan dengan hati menolak maka tujuan untuk memahami konsep *Wahdah al-Wujud* dari perspektif yang berbeza akan terganggu atau mungkin tertolak. Bagaimana mahu menghukum sesuatu ajaran atau pegangan tanpa melihat dari semua sudut. Kaedah hukum menyebutkan:

الحكم على الشيء فرع عن تصوره

“Hukum sesuatu perkara adalah sebahagian daripada gambaran perkara tersebut” (Al-Shanqiti, 1426H).

Ini bermakna, untuk menjatuhkan hukuman kepada sesuatu perkara mestilah dilihat keseluruhan gambaran masalah tersebut supaya hukuman tersebut dijatuhkan dengan adil dan tepat. Jika hukuman hanya berpandukan fakta yang sedia ada tanpa mendapatkan maklumat daripada pengamal sesuatu ajaran atau konsep kefahaman istilah tertentu, kemungkinan hukuman tersebut berat sebelah. Oleh itu, kaedah seumpama ini perlu dititik beratkan kepada hukum yang ingin dijatuhkan.

Malah, menjatuhkan hukuman yang tidak layak bagi seseorang muslim adalah bercanggah dengan hadis Nabi Saw:

لا يرمي رجل رجلا بالفسوق ولا يرميه بالكفر إلا ارتدت عليه إن لم يكن صاحبه كذلك

“Jangan seseorang menuduh seseorang yang lain dengan perkataan fasiq atau kafir, jika dia tidak melakukannya maka perkataan tersebut kembali kepada penuduh” (Al-Bukhari, 1987).

Justeru, menjatuhkan hukuman kepada seseorang atas kepercayaannya yang tertentu perlu diselidiki dengan betul supaya kebenaran ternyata dan terserlah mengikut kaedah dan panduan yang ditetapkan oleh syariat Islam.

## 2. *Wahdah Al-Wujud* Menurut Persepektif Akidah Dan Tasawwuf

Sesetengah pengkaji isu *Wahdah al-Wujud* tidak peka dengan disiplin ilmu khususnya disiplin ilmu akidah dan tasawwuf. Perkara ini boleh menyebabkan salah faham dan seterusnya hukuman dijatuhkan dengan penuh tanda tanya. Oleh demikian, di sini pengkaji cuba membawa pendekatan dari sudut yang lain supaya isu *Wahdah al-Wujud* dapat difahami dari dasarnya bukan hanya tuduhan yang tidak berasas. Dari segi Bahasa Arab, *wahdah* (وحدة) berasal daripada perkataan *wahid* (واحد) yang bermaksud *infirad* (انفراد) iaitu satu atau bersendirian (Al-Qazwini, 1979). *Wujud* pula bermaksud lawan sifat tiada (Al-Fayyumi, 1997). Seterusnya, dari segi istilah, ia bergantung kepada disiplin ilmu yang membincangkannya. Sebagai contoh, khalwah dalam istilah fiqh bermaksud duduk berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim di tempat yang sunyi (Al-Nawawi, 1970). Sementara, khalwah dalam disiplin ilmu tasawwuf pula bermaksud berdialog dalam hati dengan Allah SWT.. tanpa ada orang lain atau malaikat (Al-Jurjani, 2004).

### 2.1 Konsep *Wahdah al-Wujud* Menurut Persepektif Akidah

Kebanyakan perbincangan akidah mengenai *Wahdah al-Wujud* adalah berkait dengan doktorin pantheism (tuhan bersatu dengan alam) iaitu doktorin yang terdapat dalam agama Hindu, agama Taoism dan ahli falsafah umumnya. Menurut Jamil Saliba (Al-Mu'jam Al-Falsafi, 1982) *Wahdah al-Wujud* adalah doktorin yang menyatukan Allah dengan alam semesta dan mendakwa segala kejadian adalah Allah Swt. Sementara ahli falsafah Yunan juga telah memberikangambaran *Wahdah al-Wujud* dengan menyatakan bahawa asal alam ini adalah air (Borchert, 2006). Shaykh 'Abd Al-Halim Mahmud (Al-Munqidh Min al-Dalal, 2003) menegaskan bahawa ahli falsafah Yunan meyakini tuhan dan makhluk adalah satu yang disebut sebagai *Wahdah al-Mawjud* [bukan *Wahdah al-Wujud*]. Dalam agama Hindu, sumber Upanishads menyebutkan bahawa tuhan adalah roh yang meliputi alam, semua manusia yang berada dalamnya hidup dan bersaing antara satu sama lain dan setiap kejadian akhirnya, akan bersatu dengannya (Rahmat, 1983). Pengikut Taoism mempercayai bahawa Taoi adalah suatu kewujudan dan asas yang tidak boleh dinyatakan, dan manusia tidak boleh mengetahuinya kerana ia berupa bermacam bentuk (Rahmat, 1983).

Setelah diteliti sumber dan kenyataan berkaitan dengan pegangan dan kepercayaan *Wahdah al-Wujud*, pengkaji dapati bahawa *Wahdah al-Wujud* yang dimaksudkan adalah doktorin pantheism yang menyatukan tuhan dengan makhluk atau menyamakan tuhan dengan makhluk. Lebih jelas lagi keterangan daripada Shaykh 'Abd Al-Halim Mahmud (Al-Munqidh Min al-Dalal, 2003) bahawa doktorin pantheism yang bermaksud *Wahdah al-Mawjud* [bukan *Wahdah al-Wujud*] kerana *mawjud* itu adalah makhluk sementara *wujud* yang merujuk kepada wujud yang hakiki ialah Allah Swt. Maha Suci Allah dari apa yang mereka katakan.

## 2.2 Konsep *Wahdah al-Wujud* Menurut Persepektif Tasawwuf

Menurut kajian Yusuf Zaydan (Al-Fikr Al-Sufi Baina 'Abd Al-Karim Al-Jili Wa Kibar Al-Sufiyyah, 1998), Ibn Taymiyyah (w.728H) adalah sarjana yang mula mengaitkan *Wahdah al-Wujud* yang bermaksud pantheism dengan golongan sufi. Kenyataan tersebut boleh didapati dalam penulisannya *Majmu'ah Al-Rasa'il Wa Al-Masa'il*. Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa golongan sufi telah menggunakan istilah tersebut sebelum Ibn Taymiyyah tetapi bukanlah bermaksud pantheism (Al-Qasir, 2003, p. 37) seperti yang akan dihuraikan nanti.

Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah.(2019) Vol. 2 (1), 82 - 93

Setelah kenyataan Ibn Taymiyyah tersebut, Ibn Khaldun (w. 807H) (Muqaddimah Ibn Khaldun, 2004) menyatakan pada zamannya terdapat doktorin *Wahdah Mutlaqah* yang dibawa oleh Ibn Dahqan yang tidak boleh dipakai. Ini bererti, salah guna istilah boleh memberikan makna yang salah. Menurut Yusuf Zaydan (1998), golongan sufi menjelaskan konsep *Wahdah al-Wujud* dengan maksud *Wahdah al-Shuhud*. Al-Nablusi (Al-Nablusi, 1969) menghuraikan istilah *Wahdah al-Wujud* mengikut pandangan sufi bermaksud *Wahdah al-Shuhud* iaitu hati yang sentiasa menghadirkan wujud Allah pada sekalian makhluk. Ini bertepatan dengan firman Allah Swt:

“Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi sentiasa Mengetahui” (Al-Baqarah 2:115).

Al-Tabari (Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an, 2000) mengambil pandangan Abu Ja'far yang menjelaskan bahawa Allah Swt. mencipta dan memiliki timur dan barat. Jadi, pemahaman yang merasakan kewujudan Allah Swt. yang terdapat pada makhluk seharusnya tidak bercanggah dengan ayat ini.

Dalam *Al-Futuh al-Ilahiyyah* (Ibn 'Ajjibah, n.d) menghuraikan maksud *Wahdah Al-Shuhud* dengan kata penyair:

ثم امتحى في غاية الشهود \* فأطلق القول: أنا معبودي

“Setelah itu, diri rasa hilang kerana hati terlalu merasakan Allah adalah segalanya \* maka disebut: Aku adalah tempat disembah”.

Apabila seseorang dapat fokus sepenuh hati dan merasakankewujudan Allah Swt. maka dia merasakan Allah Swt. yang berhak disembah seperti yang disebut dalam hadis Ihsan:

أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

“Hendaklah kamu beribadat kepada Allah Swt. seolah-olah melihatnya [fokus dan rasa kewujudanNya], jika kamu tidak dapat melihatNya, sesungguhnya Dia melihat kamu” (Muslim bin Hajjaj, 1334H).

Al-Samnudi (Tuhfah Al-Salikin, 2009) menyatakan *Mushahadah* iaitu melihat Allah Swt. [merasakan sifat keagunganNya] pada setiap kejadian.

Jelas daripada penerangan tersebut bahawa *Wahdah al-Wujud* dalam tasawwuf bukanlah bermakna pantheism seperti yang didakwa oleh sesetengah sarjana Islam. Maksud sebenar *Wahdah al-Wujud* boleh disimpulkan kepada dua iaitu *Wahdah al-Wujud* iaitu wujud yang hakiki adalah Allah Swt. tanpa menafikan kewujudan makhluk yang diciptanya. Kedua: *Wahdah al-Wujud* yang bermaksud hati yang sentiasa menghadirkan wujud Allah pada sekalian makhluk. Jika difahami mengikut disiplin ilmu tasawwuf, sebenarnya tidak berlaku percanggahan maksud sebenar *Wahdah al-Wujud* kerana maksud yang salah adalah maksud pantheism yang benar-benar menyengutukan Allah Swt. Bagaimana seseorang muslim apatah lagi para sarjana Islam boleh terlibat dengan ajaran pantheism sedangkan mereka arif tentang perkara syirik dan bercanggah dengan Islam. Justeru, boleh dikatakan penilaian terhadap pegangan *Wahdah al-Wujud* golongan sufi selari dengan syariat Islam.

### 3. Senario *Wahdah al-Wujud* Di Malaysia

Isu *Wahdah al-Wujud* telah menjadi isu perdana apabila pihak agama yang bertanggungjawab telah mengeluarkan fatwa berkaitan dengan *Wahdah al-Wujud*. Secara umumnya, aduan berkaitan dengan isu *Wahdah al-Wujud* tidak dinyatakan dan laporan serta kenyataan fatwa yang dikeluarkan juga tidak jelas, adakah *Wahdah al-Wujud* yang dimaksudkan doktorin pantheism atau *Wahdah al-Wujud* bermaksud *wahdah al-Shuhud* atau wujud yang hakiki adalah Allah Swt. seperti yang dihuraikan oleh golongan sufi.

Antara fatwa yang telah dikeluarkan berkaitan dengan *Wahdah al-Wujud* ialah keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia [Jawatan kuasa Muzakarah MKI] (JAKIM, 2015) yang telah diadakan pada tahun 2000 telah memutuskan bahawa:

1. Fahaman Wahdatul Wujud menyalahi akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah dan bertentangan dengan ajaran Islam.
2. Bersetuju dengan Fatwa rasmi Negeri Johor yang telah diputuskan pada tahun 1948 oleh S.S. Syed Alawi Tahir Al-Hadad seperti berikut: "Mengikut pendapat ijma' ulama' fahaman Wahdatul Wujud adalah kufur. Sesiapa yang mempercayai dan mengamalkan adalah murtad. Jika fahamn pengamal tersebut mempunyai isteri, isterinya tertalak dan anaknya adalah anak luar nikah dan hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal".

3. Kitab Kasyf al-Asrar, al-Dar an-Nafis, Hidayah as-Salikin dan kitab-kitab lain yang mempunyai elemen-elemen al-Wujud tidak dibenarkan dipelajari di masjid-masjid dan di surau-surau.

Sementara fatwa *Wahdah al-Wujuddi* Negeri Selangor telah dikeluarkan pada 5hb Julai 2001 (Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor - Fatwa Tentang Fahaman Wahdatul Wujud, 2019) menyatakan:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31 (1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

i. Fahaman Wahdatul Wujud adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, Umat Islam adalah dilarang mengamalkan fahaman tersebut.

ii. Orang yang telah mengambil ijazah atau mengamalkan Fahaman Wahdatul Wujud hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'alla.

Jelas pada fatwa-fatwa yang keluaran oleh pihak berkuasa agama dalam menghukum doktorin *Wahdah al-Wujud* adalah secara umum dan ringkas. Dalam hal ini, kajian yang mendalam terhadap istilah *Wahdah al-Wujud* perlu dilakukan bagi mengharmonikan kefahaman yang betul. Tidak adil bagi sesetengah golongan khususnya golongan sufi yang dikaitkan dengan ajaran *Wahdah al-Wujud* yang sesat atau yang maksudkan dengan pantheism sedangkan golongan sufi mempunyai disiplin ilmunya yang tersendiri malah golongan sufi diiktiraf oleh para sarjana Islam sebagai golongan Ahli Sunnah wal Jama'ah (Al-Baghdadi, 1995)(Al-Zubaydi, 1311H).

Jika dijejak kemunculan isu *Wahdah al-Wujud* di Nusantara, Shaykh Ahmad Khatib Mangkabawi(1331H)dalam kitab *al-Shumush al-Lami'ah fi Radd Ahlal-Maratib al-Sab'ah* menghukumajaran *Wahdah al-Wujud* sebagai sesat. Setelah itu, ajaran ini telah difatwakan sesat oleh Mufti Kerajaan Johor, Sayyid Alwi Tahir al-Haddad dengan menyatakan bahawa *Wahdah al-Wujuddipengaruhi* oleh ajaran agama Hindu dangolongan yang berpegang dengan *Wahdah al-Wujud* adalah salah dan sesat (Muhammad Khairi Mahyuddin; Awatif Abdul Rahman, 2019). Kajian kontemporari yang dijalankan oleh Abdulfatah(Ahli Sunnah Dan

Wujudiah-Batiniah: Mengenai Ajaran Salah, 1999)(Wahdatul Wujud dan Penyerapannya Dengan Cara Batiniah, 2000) turut memuatkan beberapa kesalahan dan ciri ciri kesesatan *Wahdah al-Wujud* sebagai doktrin yang berasal daripada gabungan ajaran ahli falsafah, hindu dan shiah.

Menurut kajian Anhar Opir (Analisis Fatwa Berkaitan Fahaman dan Pemikiran Agama, 2018), beliau menegaskan bahawa fatwa-fatwa yang dikeluarkan di Negeri Selangor [termasuk fatwa tentang Fahaman *Wahdatul Wujud* pada yang diwartakan pada tahun 2001] adalah selepas melalui proses kajian dan penyelidikan yang dijalankan dengan begitu teliti dan mengambil kira pandangan pakar yang berkaitan dengan bidang berkenaan. Dalam penelitian pengkaji, kenyataan ini dianggap tidak cermat kerana ia disebut secara umum termasuklah istilah *Wahdah al-Wujud* yang bermaksud pentheism sedangkan istilah *Wahdah al-Wujud* yang dimaksudkan oleh golongan sufi adalah *Wahdah Allah La Sharikalah* [keesaan Allah SWT.. yang tiada bagiNya sekutu] dan juga *Wahdah al-Shuhud*. Jadi, kenyataan bahawa kajian yang teliti telah dilakukan oleh pakar perlu diperhalusi lebih mendalam.

Selain itu, istilah *Wahdah al-Wujud* juga dikaitkan dengan beberapa istilah lain seperti *hulul*, *ittihad*, martabat tujuh, *dhawq*, *fana'*, *baqa'* dan sebagainya. Istilah-istilah ini bercampur aduk dengan kepercayaan dan agama bukan Islam, dan juga istilah yang diguna pakai oleh golongan sufi sepanjang zaman. Ketidakupayaan membezakan antara kefahaman agama lain dengan istilah sufi menyebabkan berlakunya kelompangan oleh kerana para pengkaji terjerat dengan tafsiran yang salah terhadap istilah-istilah tersebut. Ditambahi pula dengan sokongan daripada bukan ahli sufi dan orientalis yang jelas mencari kelemahan ajaran Islam untuk membahaskan perkara yang berkait dengan disiplin tasawwuf.

#### **4. Pandangan Ulama Terhadap Isu *Wahdah al-Wujud***

Jika *Wahdah al-Wujud* dilihat dari perspektif akidah, ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah membincangkan tentang duakewujudan iaitu wujud yang *qadim* [azali] dan wujud yang baharu. Wujud yang *qadim* merujuk kepada sumber dan pergantungan wujud yang baharu kepadaNya sementara wujud yang baharu adalah ciptaanNya dalam pelbagai bentuk dan rupa. Oleh itu, para ulama Asha'irah menyatakan bahawa kewujudan yang baharu itu adalah kewujudan makhluk tanpa kaitan dengan Allah dari semua sudut (Al-Nablusi, 1969) kerana Allah Swt. yang menciptakan makhluk dari tiada kepada ada bukan mencipta dari zatNya Yang Maha Mulia atau akan bersatu denganNya seperti yang dipercayai oleh doktorin pantheism.

Adapun ulama sufi telah menegaskan bahawa kewujudan yang dimaksudkan dengan istilah *Wahdah al-Wujud* adalah kewujudan yang *qadim* bukan kewujudan yang baharu (Al-Nablusi, 1969). Shaykh Abd Halim Mahmud(2003) menghuraikan *Wahdah al-Wujud* sebagai ungkapan yang tepat bagi Allah Swt. yang mencipta semua makhluk dari tiada kepada ada dan Dia lah sumber kewujudan sekalian makhluk sementara *Wahdah al-Mawjud* yang lebih tepat bermaksud dengan pantheism kerana *mawjud* [makhluk ciptaan Allah]itu banyak, langit, bumi, manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain lagi. Beliau menegaskan lagi bahawa punca permasalahan *Wahdah al-Wujud* adalah daripada kepercayaan, pegangan dan doktorin agama lain seperti hindu, ahli falsafah Greek dan barat serta pandangan sesetengah sarjana Islam yang terpengaruh dengan istilah *Wahdah al-Mawjud* bukan *Wahdah al-Wujud* yang sebenar. Justeru, dapat dirumuskan bahawa salah faham istilah *Wahdah al-Wujud* yang berlaku adalah disebabkan ketetapan maksud wujud itu sendiri dan faktor-faktor kepercayaan agama selain Islam, ahli falsafah dan juga pandangan orientalis.

Di alam Melayu pula,terdapat beberapa ulama Melayu telah tampil menjelaskan isu *Wahdah al-Wujud* yang selari dengan syariat dan akidah berdasarkan manhaj sufi. Antaranya ialah Shaykh Islam Kedah, Haji Wan Sulaiman Wan Sidik (w.1935M) pemimpin Tareqat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah Ahmadiyyah dalam kitabnya *Hawd al-Mawrud fi Bayan Ma'na Wahdah al-Wujud*. Beliau membahagikan *Wahdah al-Wujud* kepada empat mazhab iaitu mazhab jumhur sufi dengan pegangan *al-Kull 'Ainuhu*, mazhab fuqaha' dengan pegangan *al-Kull Bihi*, mazhab Ibn Arabi dengan pegangan *al-Kullu Huwa* dan mazhab Ahmad al-Sirhindi dengan pegangan *al-Kull Minhu*. Kesimpulannya kesemua mazhab adalah benar menurut kurniaan kerohanian dan cara *taqdir*[penerimaan] kefahaman masing-masing dalam mentawhidkan Allah (Muhammad Khairi Mahyuddin; Awatif Abdul Rahman, 2019). Jadi, istilah-istilah tersebut hanya berbeza pada perkataan sedangkan maksudnya adalah sama.

Shaykh Tuan Tabal Haji Daud Shamsuddin bin Haji Omar al-Libadi (w.1976M) yang merupakan pemimpin Tarekat Ahmadiyah Idrisiah menegaskan dalam kitabnya Risalah Tasawuf bahawa *Wahdah al-Wujud* adalah konsep ontologi yang berasal daripada *Haqiqah Muhammadiyyah* yang menjadi satu sumber asal kewujudan alam. Hubungan *Haqiqah Muhammadiyyah* dengan kepelbagaian kewujudan alam ini diibaratkan umpama satu biji benih pokok yang menjadi sumber kepada pelbagai bentuk kewujudan seperti daun, dahan, buah, ranting dan sebagainya (Hasan, 1992).Pendekatan seumpama ini bukanlah bertujuan membawa doktorin lain tetapi ia hanya satu bentuk olahan kefahaman bagi sesetengah golongan yang ingin memahaminya dengan perumpamaan yang berlainan.

Justeru, terdapat beberapa ulama yang menghuraikan konsep *Wahdah al-Wujud* dengan beberapapenafsiran. **Pertama:** Keesaan wujud Allah yang bersifat khas yang bersalahan serta berbeza dengan kewujudan alam. Keseluruhan alam ini datang daripada ilmu, *qudrah* dan *iradah* Allah. **Kedua:** Wujud yang hakiki, *qadim* dan azali ialah Allah, manakala wujud *jaiz* [kewujudan yang harus] *mumkin* [kewujudan yang bergantung kepada Allah Swt.] *hadith* [baharu] ialah alam ini. Ia memberi pengertian bahawa alam semesta ini asalnya tiada kemudian diadakan [wujud] dengan kekuasaan Allah yang membuktikan segala yang wujud tersebut adalah miliknya. **Ketiga:** kesatuan kewujudan alam ini datang dari satu sumber kewujudan iaitu daripada *Haqiqah Muhammadiyyah*. **Keempat:** kesatuan Allah dengan alam secara *ittihad* dan *hulul* (Al-Kattani, 2005) (Al-Falimbani, t.t).

Penafsiran pertama dan kedua masih mempunyai prinsip perbezaan di antara Allah sebagai pencipta dan alam sebagai makhluk tanpa wujud *ittihad* dan *hulul* dan meninggalkan syariat. Penafsiran ini tidak bertentangan dengan prinsip akidah dan syariat. Huraian ini telah ditafsirkan dengan beberapa istilah seperti *Wahdah al-Shuhud*, *Shuhud al-Wahid*, *al-Wujud al-Wahid* dan *Fana' fi al-Tawhid*. Pandangan ini telah dipegang oleh ulama sufi muktabar seperti Imam Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzali, Shaykh Muhammad Ali Ibn Arabi, Shaykh Sharaf al-Din al-Farid, Shaykh Sulayman Afifuddin al-Tilimsani, Shaykh Ahmad bin Abd al-Ahad al-Sirhindi, Shaykh Abdul Haq bin Sab'in, Shaykh Abdul Karim Jili, Shaykh Fadlullah al-Burhanfuri, Shaykh Abdul Ghani al-Nabulusi, Shaykh Ahmad al-Qushashi, Shaykh `Abd al-Rahman al-Suyuti, Shaykh Shah Wali Allah al-Dihlawi, Shaykh Muhammad Jaafar al-Kattani, `Abd al-Samad al-Falimbani, Shaykh Daud al-Fatani dan Shaykh Muhammad Nafis al-Banjari (Muhammad Khairi Mahyuddin; Awatif Abdul Rahman, 2019).

Adapun penafsiran yang ketiga terkait dengan *Haqiqah Muhammadiyyah* iaitu kejadian Nur Muhammad yang masih diperdebatkan kesahihannya. Namun, sesetengah ulama telah menghuraikannya dengan panjang lebar dan mengharmonikan konsep tersebut mengikut syariat Islam yang suci seperti yang dijelaskan oleh Prof Dr Ahmad Umar Hasyim (Nur Muhammad, 2016). Pegangan kepada konsep *Haqiqah Muhammadiyyah* atau Nur Muhammad bukanlah perkara asas akidah yang membolehkan seseorang terkeluar daripada Islam tetapi ia adalah kepercayaan sesetengah golongan sufi yang didasarkan dengan Al-Quran dan hadith serta pandangan ahli sufi yang muktabar yang tidak melanggar kesucian akidah Islam. Sementara penafsiran keempat iaitu kesatuan Allah dengan alam secara *ittihad* dan *hulul* adalah pandangan yang ditolak oleh golongan sufi mahupun ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah yang lain.

## 5. Kesimpulan

Huraian yang dibentangkan tersebut boleh disimpulkan bahawa *Wahdah al-Wujud* adalah satu istilah yang dibincangkan pada dua sudut iaitu *Wahdah al-Wujud* yang bermaksud kewujudan Allah Swt. yang hakiki dan kewujudan makhluk yang *majazi* [bersandar kepada kewujudan Allah Swt]. Maksud *Wahdah al-Wujud* yang pertama menjadi pegangan kepada golongan sufi sementara maksud *Wahdah al-Wujud* yang kedua menjadi pertikaian dan perdebatan antara sesetengah sarjana Islam dengan golongan sufi.

Dalam perspektif akidah Islam, kedua-dua konsep *Wahdah al-Wujud* tersebut diguna pakai, namun faktor luaran seperti kepercayaan agama hindu, pandangan ahli falsafah dan orientalis seolah-olah mempengaruhi konsep sebenar *Wahdah al-Wujud*. Lebih-lebih lagi apabila terdapat beberapa sarjana Islam yang turut terpengaruh dengan dakwaan orientalis dan sesetengah pengkaji yang mengaitkan istilah *Wahdah al-Wujud* dengan ajaran bukan Islam.

Di Malaysia, istilah *Wahdah al-Wujud* menjadi pertikaian yang hebat dalam kalangan sarjana Islam dan beberapa pihak berkuasa agama. Ketegangan pertembungan ini hingga ke peringkat perundangan yang melabelkan ajaran *Wahdah al-Wujud* sebagai sesat dan dikenakan tindakan perundangan. Namun begitu, beberapa pihak berkuasa agama yang lain bertegas bahawa ajaran *Wahdah al-Wujud* dibenarkan melalui peruntukan perundangan negeri. Jelas di sini bahawa kajian menyeluruh berkaitan *Wahdah al-Wujud* perlu dijalankan secara teliti dan rapi bagi mengharmonikan dari semua sudut pandangan sarjana Islam melalui disiplin ilmu Islam yang berteraskan akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah.

Hakikatnya, *Wahdah al-Wujud* bukanlah istilah yang negatif jika disabitkan perbincangannya dalam ilmu Islam malah ia lebih tepat penggunaannya untuk mengagungkan Allah Swt. yang Maha Pencipta. Permasalahannya adalah apabila *Wahdah al-Wujud* diterjemahkan dengan maksud *Wahdah al-Mawjud* iaitu melabelkan tuhan dengan makhluk sama taraf atau makhluk boleh mencapai taraf tuhan atau sebaliknya. Maksud yang kedua adalah ditolak sama sekali oleh semua sarjana Islam sama ada ulama akidah, golongan sufi dan lain-lain.

Cadangan yang dapat dihasilkan dari kajian dan perbincangan ini, agar kajian yang lengkap terhadap istilah *Wahdah al-Wujud* yang sebenar, menilai semula fatwa-fatwa yang berkaitan *Wahdah al-Wujud* supaya dapat mengharmonikan kefahaman terhadap istilah *Wahdah al-Wujud* dan pihak berkuasa agama perlu memberikan penerangan yang menyeluruh dan telus terhadap apa sahaja perkara yang berkaitan dengan ajaran Islam yang berteraskan manhaj Ahli Sunnah wal Jama'ah.

**Rujukan**

- Al-Bukhari, M. I. (1987). *Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Fayyumi. (1997). *Al-Misbah Al-Munir Fi Gharib Sharh Al-Kabir*. Beirut: Al-Maktabah Al-Ilmiyyah.
- Al-Jurjani, A. M. (2004). *Al-Ta'rifat*. Cairo: Dar al-Fadilah.
- Al-Nablusi, 'A.-G. (1969). *Idah Al-Maqsud Min Wahdah Al-Wujud*. Dimashq: Matba'ah Al-'Ilm.
- Al-Nawawi, Y. S. (1970). *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah Al-Irshad.
- Al-Qasir, A. '-'. (2003). *'Aqidah Al-Sufiyyah Wahdah Al-Wujud Al-Khafiyyah*. Riyad: Maktabah Al-Rushd.
- Al-Qazwini, A. F. (1979). *Mu'jam Maqayis Al-Lughah*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Samnudi, M. A.-M. (2009). *Tuhfah Al-Salikin*. Cairo: Al-Thaqafah Al-Diniyyah.
- Al-Shanqiti, M. A. (1426H). *Adab Al-Bahth Wa Al-Munazarat*. Makkah: Dar 'Alam Al-Fawa'id.
- Al-Tabari, M. J. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Borchert, D. M. (2006). *Encyclopedia of Philosophy*. United States of America: Macmillan Publishing Co. & The Free Press.
- Ibn 'Ajibah, A. M. (n.d). *Al-Futuhah Al-Ilahiyyah*. Cairo: 'Alam Al-Fikr.
- Ibn Khaldun, A.-R. M. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Damsyiq: Dar Ya'rib.
- Mahmud, 'A.-H. (2003). *Al-Munqidh Min al-Dalal*. Cairo: Dar al-Ma'rifah.
- Muslim bin Hajjaj. (1334H). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jil.
- Rahmat, A. (1983). *Al-Tafkir Al-Dini Fi Al-'Alam Qabl Al-Islam*. (R. Shalabi, Trans.) Dawhah: Dar Al-Thaqafah.
- Saliba, J. (1982). *Al-Mu'jam Al-Falsafi*. Beirut: Dar Al-Kitab Al-Lubnani.
- Zaydan, Y. (1998). *Al-Fikr Al-Sufi Baina 'Abd Al-Karim Al-Jili Wa Kibar Al-Sufiyyah*. Cairo: Dar Al-Amin.